

**Abdullah Mahu Program Integrasi Di Sekolah Diteruskan
Bernama
03 Mei, 2012**

KEPALA BATAS, 3 Mei (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi mahu program integrasi di sekolah diteruskan bagi membolehkan perpaduan dan kerjasama antara pelajar pelbagai kaum dipertingkatkan.

Beliau berkata program intergrasi terutama untuk murid sekolah rendah secara tidak langsung akan membawa kebaikan kerana wujudnya perasaan saling hormat menghormati antara kaum.

"Program intergrasi di sekolah akan memberi kebaikan dan setiap kemajuan negara dapat dinikmati oleh semua kaum serta setiap kaum sama-sama menyumbang kepada negara dan menguntungkan semua pihak.

"Ia juga secara tidak langsung mampu menjayakan lagi gagasan 1Malaysia," katanya kepada pemberita selepas majlis perjumpaan bersama pemimpin Persatuan Ibu Bapa dan Guru Kawasan Parlimen Kepala Batas di sini, pada Khamis.

Abdullah yang juga Anggota Parlimen Kepala Batas berkata pengurusan sekolah perlu berusaha untuk memberi kesempatan dan membangunkan program intergrasi kepada pelajar supaya perpaduan kaum terus kukuh pada masa depan.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=663551>